

**Harian Metro-18/09/2013**

## **Pekikan laman sosial**

Oleh Shuhada Mansor

Beberapa tahun kebelakangan ini, penggunaan laman web sosial semakin mendapat perhatian setiap golongan tidak kira muda mahupun tua. Laman sosial dilihat sebagai revolusi terkini yang dapat menghubungkan manusia dengan sekelip mata walau di pelosok mana kita berada.

Rata-rata pengguna mengetahui akan kewujudannya tak kiralah sama ada yang tinggal di luar bandar apatah lagi di tengah kota raya. Pada asalnya, penggunaan laman web sosial seperti Facebook, Twitter dan blog bertujuan untuk berhubung dan merapatkan hubungan di antara satu sama lain namun makin hari, ramai yang menjadikan laman sosial sebagai medan untuk meluahkan perasaan.

Tak dinafikan, fungsi laman sosial pada hari ini dilihat begitu penting untuk menyuarakan sebarang buah fikiran, tetapi ada pihak sanggup menulis apa saja di status mereka tanpa berfikir panjang. Laman sosial yang dicipta untuk memberi kemudahan kepada manusia akhirnya kecundang fungsinya.

### **Lagi banyak lagi teruk**

Menurut sumber, sehingga kini, sebanyak 170 rangkaian sosial interaktif aktif digunakan di seluruh dunia antaranya Facebook, Twitter, blog dan Friendster yang memberi peluang membentuk interaksi sosial dan pergaulan maya tanpa sempadan.

Statistik pengguna yang tinggi menunjukkan kegilaan terhadap aktiviti melayari laman sosial kini ibarat satu budaya dan rutin kemestian dalam kehidupan. Tetapi jika difikirkan secara relevan, meskipun semakin banyak laman sosial yang wujud memberi kemudahan kepada manusia tetapi makin banyak jugalah masalah lain yang timbul seiring dengan kepesatan teknologi ini.

Kita tidak boleh menidakkan hak sesiapa untuk menggunakan medium ini. Ia memang dicipta dengan tujuan menyebarkan maklumat tetapi jika disalah guna, ia akan membawa kepincangan dalam masyarakat.

### **Jadi penghasut**

Jika diperhatikan, laman sosial yang boleh diakses menggunakan akaun sendiri seperti Facebook dan Twitter kini lebih terarah kepada tempat untuk meluahkan perasaan. Kebanyakan pihak tidak bertanggungjawab menggunakan laman sosial untuk menghina atau membuat fitnah terhadap orang lain apatah lagi apabila mengetahui statusnya itu dapat dilihat ramai orang.

Meluahkan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu perkara adalah kebebasan setiap pemilik akaun laman sosial tetapi jika status itu berkaitan dengan syarikat atau kerajaan, mereka boleh

dianggap penghasut dan menyalahgunakan laman sosial.

Individu yang sering melakukan perkara ini tidak akan sedar kesalahan mereka sehinggalah dikenakan tindakan sewajarnya. Mereka mungkin tidak sedar setiap bait perkataan yang ditulis boleh menjatuhkan reputasi syarikat ataupun memporak-perandakan majikan sendiri.

### **Burukkan syarikat**

Luahan rasa tidak puas hati terhadap syarikat antara status paling banyak dimuat naik di laman sosial. Bengang dengan majikan, kerja menimbun, bergaduh dengan rakan sekerja antara isu yang sering dilontarkan di laman sosial.

Kemampuan mengakses tanpa batasan juga menjadikan laman sosial sebagai punca berlakunya masalah sosial lain. Terpekik terlolong memaki hamun majikan sendiri boleh membuatkan orang lain memandang rendah kredibiliti anda dan syarikat. Mungkin bagi mereka, berkongsi rasa tidak puas hati dengan orang lain di laman sosial boleh mengurangkan tekanan tetapi mereka lupa bahawa tindakan itu mampu menjejaskan reputasi syarikat dan rekod kerja mereka.

Logiknya, memburukkan seseorang ataupun sesebuah organisasi bukanlah sikap yang baik apatah lagi ia berkaitan dengan tempat anda mencari rezeki seharian. Akibat terlalu taasub dengan laman sosial, perkara asas seperti ini diabaikan. Tiada sebarang tindakan dikenakan secara tak langsung membuatkan golongan ini semakin lantang dan bilangan bertambah ramai.

### **Takkan terlepas**

Kementerian Komunikasi dan Multimedia menegaskan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bukan undang-undang tunggal bagi memantau salah guna perkhidmatan Internet di Malaysia. Sebaliknya, Timbalan Menterinya, Datuk Jailani Johari, berkata kesalahan itu juga boleh dirujuk mengikut Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Jenayah Komputer 1957 dan Kanun Keseksaan.

Beliau berkata, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bekerjasama dengan polis bagi memantau kandungan laman sosial dan mengingatkan, kerajaan tidak memandang remeh isu berkenaan.

“Kerajaan tidak mengawal aliran di Internet kerana kerajaan memberi jaminan mengikut Seksyen 3 AKM 1998 yang menyatakan tiada tapisan kandungan Internet. Bagaimanapun, hal berkenaan bukanlah jaminan pengguna Internet boleh menyalah guna perkhidmatan itu,” katanya.

Menurutnya lagi, setakat Jun tahun ini, sebanyak 29 kes disiasat termasuk kes menghina Yang Dipertuan Agong.

## **Sedar diri**

Penciptaan laman sosial seharusnya memberikan manfaat terhadap penyebaran maklumat dan ilmu bukan memusnahkan kehidupan sesama sendiri. Untuk menyekat budaya ini, sudah tiba masa syarikat bertindak tegas dengan undang-undang yang ada.

Tindakan hukuman harus dilaksanakan kerana jika dibiarkan, ia mempunyai unsur hasutan yang boleh memberi impak buruk kepada perpecahan kakitangan dan syarikat.

Pengendali laman sosial seperti Facebook dan Twitter seharusnya lebih bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat tepat dan bukan merosakkan nilai kemanusiaan. Apa yang boleh dilakukan ialah pengawalan menerusi kehendak diri sendiri yang akan menentukan sama ada berjaya mengekang nafsu daripada bertindak melebihi batasan atau sebaliknya.